

## MENULIS AYAT ARAB MELALUI TEKNIK SINAMBUNGAN VISUAL-GAMBAR

(*Writing Arabic Sentences through Continuous Visual-Picture*)

Siti Nurhajariah Md Isa, Awatif Abdul Rahman, Ku Fatahiyah Ku Azizan & Hairun Najuwah Jamali

### ABSTRAK

Menulis merupakan suatu medium yang membolehkan pelajar mengekspresi buah fikiran, melahirkan perasaan dan menceritakan peristiwa. Walau bagaimanapun, tahap pelajar dalam kemahiran membina ayat adalah lemah, di mana kesalahan meliputi kesilapan dalam memilih perkataan yang tepat dalam menggambarkan suatu makna. Lantaran itu, teknik pengajaran dalam kemahiran menulis perlu divariasikan sebagai usaha untuk membantu pelajar mempelajari kemahiran menulis khususnya dalam penulisan ayat. Kajian ini secara ringkasnya cuba mendapatkan penilaian pelajar terhadap teknik sinambungan visual-gambar dalam pengajaran dan pembelajaran menulis ayat bahasa Arab. Kajian ini berbentuk kajian tindakan yang melibatkan 90 orang pelajar Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS). Hasil kajian mendapati teknik sinambungan visual-gambar merupakan teknik pengajaran yang dipersetujui pelajar membantu mereka dalam mempelajari kemahiran menulis bahasa Arab melalui item-item penilaian teknik sinambungan visual-gambar. Kajian ini diharap dapat membantu para pengamal pendidikan bahasa Arab dalam variasi teknik pengajaran dan pembelajaran kemahiran menulis khususnya dalam kemahiran penulisan ayat bahasa Arab.

**Kata kunci:** Kemahiran Menulis, Pengajaran, Pembelajaran Bahasa Arab, Teknik Penulisan, Ayat.

### ABSTRACT

*Writing is a medium that allows students to express their thoughts and feelings. However, students' proficiency level in writing sentences is unsatisfactory. The weakness including mistakes in choosing the right words to describe the intended meaning. Thus, the techniques of writing teaching should be varied as an effort to help students learn writing skill, particularly in writing sentences. The main purpose of this study is to get students interpretation towards continuous visual-picture technique in teaching and learning of writing Arabic sentences. This study uses action research as research design. This study involves 90 students from Selangor International Islamic University College (KUIS) as respondents. The study found most students agreed that continuous visual-picture technique helps them in learning of writing Arabic sentences. This study is expected to help Arabic language education practitioners in varying writing skill teaching techniques particularly in writing Arabic sentences.*

**Keywords:** Writing Skill, Teaching, Learning Arabic Language, Sentences, Writing Skill.

## PENGENALAN

Kemahiran menulis merupakan kemahiran bahasa yang tertinggi yang perlu dicapai oleh pelajar khususnya dalam pembelajaran bahasa asing. Kemampuan seorang pelajar dalam membina ayat dapat mencerminkan kemampuan pelajar menguasai kemahiran berbahasa yang lain seperti mendengar, membaca dan bertutur. Sebagaimana yang dinyatakan oleh Nik Rahimi et al. (2008) bahawa kemahiran menulis berkembang selari mengikut perkembangan otak dan pengalaman berbahasa seseorang. Sebagai kemahiran bahasa, fungsinya adalah untuk tujuan komunikasi dan menyelesaikan pelbagai urusan dalam aktiviti harian yang meliputi bidang pendidikan, sosial, dan pekerjaan. Pernyataan ini turut disokong oleh Ab. Halim (2005) menyatakan bahawa rujuan utama pembelajaran bahasa Arab di Malaysia ialah bagi tujuan komunikasi. Withthrow (1987) pula menyatakan bahawa kemahiran menulis merupakan peringkat tertinggi yang hendak dicapai dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa. Lantaran itu, kemahiran menulis dilihat sebagai kemahiran terpenting yang perlu dikuasai oleh masyarakat khususnya golongan pelajar. Manakala Abdul Rashid Jamian (2011) menyatakan bahawa keupayaan menulis merupakan proses penyaluran maklumat yang bersifat mekanikal dan disalurkan secara bersistem iaitu mengambil kira matlamat, penggunaan bahasa, audiens, dan gaya penulisan.

Menghasilkan penulisan merupakan suatu proses yang kompleks (Roselan Baki, 2003). Oleh sebab itu, penulisan perlulah dilaksanakan mengikut tahap-tahapnya secara sistematik. Kemahiran menulis bahasa Arab melibatkan beberapa proses yang perlu diberikan perhatian; antaranya memulakan penulisan dari kanan ke kiri, menulis huruf-huruf Arab, menulis perkataan dengan ejaan yang betul, membentuk susunan ayat yang betul dan mampu difahami oleh pembaca, dan menggunakan susunan ayat dalam perenggan dengan betul (Salleh Abdul Majid al-Arabi, 1981). Lantaran itu, kemahiran menulis dilihat sebagai kemahiran terpenting yang perlu diberi keutamaan khususnya dalam pengajaran kemahiran menulis ayat bahasa Arab.

Pengajaran kemahiran menulis ayat bahasa Arab didasari beberapa objektif penting. Beberapa objektif pengajaran kemahiran menulis ayat telah digariskan oleh (Muhammad Akamil al-Naqah, 1985). Menurut beliau pengajaran kemahiran menulis ayat bahasa Arab ialah bagi membolehkan pelajar; (i) menterjemah idea dalam bentuk penulisan menggunakan susunan ayat yang betul, (ii) menterjemah idea dalam bentuk ayat dengan menggunakan perkataan yang betul dalam konteks ayat, (iii) menterjemah idea dalam bentuk ayat menggunakan kaedah nahu yang betul, (iv) menggunakan gaya bahasa yang sesuai bagi tema yang diungkapkan. Perkara ini turut diberi perhatian oleh Salleh Abdul Majid al-Arabi (1981) yang menyatakan bahawa kemahiran menulis perlu memberi penekanan terhadap kemahiran membentuk susunan ayat yang betul dan boleh difahami oleh pembaca.

Esah Sulaiman (2003) dalam Che Zanariah Che Hassan dan Fadzilah Abd Rahman (2011) telah mencadangkan beberapa pendekatan yang boleh digunakan dalam pengajaran kemahiran menulis seperti; pendekatan berpusatkan guru, pendekatan berpusatkan murid, dan pendekatan berpusatkan bahan. Rosmi Samah (2012) mencadangkan beberapa latihan yang boleh diaplikasikan dalam latihan menulis antaranya ialah; (i) memberi soalan kefahaman

yang jawapannya hanya perlu ditulis semula daripada teks bacaan, (ii) memberi beberapa perkataan yang tidak tersusun dan meminta pelajar menyusunkannya dan menulisnya kembali. (iii) menulis semula daripada teks ayat-ayat petikan yang dapat menarik minat pelajar. (iv) menulis ayat yang dapat ditukar susunannya dan dapat membentuk beberapa ayat lain daripada ayat asal.

## **PENYATAAN MASALAH**

Penulisan merupakan suatu medium yang membolehkan pelajar mengekspresi buah fikiran, melahirkan perasaan dan menceritakan peristiwa (Hasan Shahatah, 1993). Walau bagaimanapun, isu berkaitan kelemahan pelajar dalam mengusai bahasa Arab ini hakikatnya seringkali diperdebatkan (Kamarul Syukri et. al, 2009). Noorazman Mamat (2009) misalnya menyatakan bahawa kemahiran menulis ini menjadi suatu keperluan kepada para pelajar kerana hampir semua kertas peperiksaan memerlukan jawapan dalam bentuk penulisan. Kajian yang dilaksanakan oleh Madiyah Muhammad Yusuf (2009) dalam menentukan tahap pengetahuan membina frasa mendapat hanya 10% sahaja pelajar yang mampu menentukan ayat daripada petikan yang diberikan. Kajian oleh Muhammad Hanan (2011) mendapat 60% pelajar bersetuju bahawa ketakutan mereka dalam bertutur berpunca daripada berlakunya kesalahan dalam membina ayat. Manakala kajian oleh Rosmi Samah (2012) mendapat tahap pelajar dalam membina ayat melalui karangan pendek adalah pada tahap yang lemah, di mana kesalahan meliputi kesilapan dalam memilih perkataan yang tepat dalam menggambarkan suatu makna.

Melalui sorotan kajian yang telah dilaksanakan di atas, kemahiran menulis dalam kalangan pelajar didapati masih berada pada tahap yang lemah. Justeru, penting untuk dinyatakan bahawa teknik pengajaran dalam kemahiran menulis perlu divariasikan sebagai usaha untuk membantu pelajar mempelajari kemahiran menulis khususnya dalam penulisan ayat. Pengalaman penyelidik sendiri sebagai pengamal pendidikan bahasa Arab mendapat kekeliruan pelajar dalam penulisan ayat mudah di mana pelajar tidak dapat mengekspresi idea mereka dalam bentuk ayat lengkap mengikut kaedah dan struktur yang betul. Malah pelajar juga mengambil masa yang terlalu lama untuk membina suatu frasa ayat. Hal ini menggambarkan idea pelajar yang terlalu abstrak dan tidak berfokus selain kekurangan kosa-kata. Perkara ini seterusnya membawa penyelidik untuk cuba menggunakan teknik gambar bagi membantu pelajar membina ayat lengkap bahasa Arab.

## **METODOLOGI KAJIAN**

Kajian ini merupakan kajian berbentuk kajian tindakan menggunakan pendekatan kuantitatif. Kajian ini dijalankan mengikut gelung Kurt Lewin (1946). Kemmis (1988) dalam mengembangkan idea kajian tindakan Kurt Lewin menyatakan bahawa langkah pertama dalam kajian tindakan adalah dengan meneliti dan mengenalpasti sesuatu idea atau amalan. Sekiranya langkah awal ini dapat dilakukan, perancangan keseluruhan akan dibuat dan keputusannya akan dianggap sebagai langkah pertama sesuatu tindakan. Langkah seterusnya mengandungi langkah-langkah perancangan, pelaksanaan dan tinjauan atau pencarian fakta dengan tujuan untuk dibuat penilaian ke atas keputusan langkah kedua ini. Seterusnya, asas untuk langkah ketiga dibuat yang mungkin melibatkan pembetulan, penambahbaikan atau modifikasi rancangan keseluruhan tadi.

Objektif utama kajian ini ialah bagi mendapatkan penilaian pelajar terhadap teknik sinambungan visual-gambar dalam pengajaran dan pembelajaran menulis ayat bahasa Arab. Kajian ini menggunakan instrumen soal selidik dalam mendapatkan data. Data seterusnya dianalisis menggunakan aplikasi SPSS 21.0. Kajian ini melibatkan 90 orang responden daripada pelajar tahun satu Akademi Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS).

Bagi tujuan analisis data, kajian ini mengkategorikan data kepada tiga mata (Rosnaini, Mohd Arif & Jalaludin, 2011) iaitu; min=1.00 hingga min=1.99 berada pada tahap rendah, min=2.00 hingga min=2.99 berada pada tahap sederhana dan min=3.00 hingga min=4.00 berada pada tahap tinggi.

## TEKNIK SINAMBUNGAN VISUAL-GAMBAR

Teknik ini berfokus kepada kemahiran menulis ayat asas bahasa Arab melibatkan *jumlat ismiyyah* dan *jumlat fi'liyyah*. Teknik ini menggunakan beberapa siri visual-gambar yang berkesinambungan bagi memandu pelajar menulis ayat. Kemahiran menulis melalui teknik ini supaya pelajar dapat menulis ayat menggunakan perkataan yang tepat berdasarkan visual-gambar yang dilihat dengan struktur ayat yang betul berdasarkan kaedah bahasa yang dipelajari.

Teknik ini menggunakan dua jenis visual gambar berkesinambungan iaitu visual gambar mudah dan visual gambar kompleks. Pelajar terlebih dahulu diminta untuk menulis ayat berdasarkan visual gambar mudah yang merangkumi sepuluh kad imbas yang mengandungi visual-gambar berkesinambungan. Pelajar seterusnya diminta untuk membuat ayat berdasarkan gambar kompleks yang merangkumi lima kad imbas. Pelajar diminta menulis satu ayat sahaja berdasarkan gambar mudah dan sepuluh ayat berdasarkan gambar kompleks yang diberi. Pelajar diberi kelonggaran untuk menulis secara kreatif berdasarkan pandangan, idea dan imaginasi pelajar berpandukan gambar yang diberikan. Sepanjang proses ini, pelajar diberikan garis panduan menulis ayat berdasarkan kaedah tatabahasa Arab.

Pendekatan yang digunakan bagi pengajaran kemahiran menulis teknik gambar ini ialah pendekatan deduktif dan berpusatkan pelajar. Melalui pendekatan deduktif guru selaku pengkaji terlebih dahulu memberikan contoh ayat berdasarkan beberapa visual-gambar manakala pelajar menerangkan konsep atau kaedah di sebalik ayat yang diberikan. Perbincangan secara aktif berlaku dalam kalangan pelajar berkaitan konsep aras pembinaan ayat berdasarkan pengetahuan pelajar atau daripada buku-buku yang rujukan tatabahasa Arab. Perbincangan aktif ini termasuklah perbincangan bagi perkaitan semantik antara ayat yang ditulis dengan realiti visual-gambar. Ini supaya pelajar benar-benar faham dengan apa yang ditulis serta apa yang digambarkan. Pengkaji seterusnya memberikan beberapa siri gambar yang saling bersinambungan dan pelajar diminta membuat ayat berdasarkan visual-gambar tersebut. Pembinaan ayat berdasarkan sinambungan visual-gambar ini bermula daripada gambar mudah sehinggaalah gambar kompleks.

## DAPATAN KAJIAN

Jadual 1 menunjukkan tahap pencapaian bahasa Arab, hanya seorang pelajar sahaja (1.1%) yang menguasainya dengan sangat baik, 11 orang pelajar (12.2%) menguasainya dengan baik, 49 orang pelajar (54.4%) berada pada tahap yang sederhana, 26 orang pelajar (28.9%) berada pada tahap yang lemah dan 3 orang pelajar (3.3%) berada pada tahap yang sangat lemah.

Jadual 1: Tahap pencapaian bahasa Arab pelajar

Tahap	Kekerapan	Peratusan
Sangat Baik	1	1.1
Baik	11	12.2
Sederhana	49	54.4
Lemah	26	28.9
Sangat Lemah	3	3.3

Jadual 2 menunjukkan dapatan kajian penilaian pelajar terhadap teknik sinambungan-visual. Keputusan min menunjukkan keempat-empat item berada pada tahap skor min tinggi. Berdasarkan jadual, keputusan min bagi item pertama iaitu teknik sinambungan visual-gambar membantu pelajar dalam menentukan jenis-jenis ayat dalam bahasa Arab mencapai skor yang tinggi dengan  $\text{min}=3.24$  dengan 4 orang pelajar (4.4%) menjawab tidak setuju, 13 orang pelajar (14.4%) menjawab kurang setuju, 30 orang pelajar (33.3%) menjawab setuju dan 43 orang pelajar (47.8%) menjawab sangat setuju. Hasil kajian juga menunjukkan bahawa skor min tinggi bagi item kedua iaitu teknik sinambungan visual-gambar membantu pelajar memahami kaedah penulisan ayat bahasa Arab dengan  $\text{min}=3.37$  dengan hanya seorang pelajar (1.1%) menjawab tidak setuju, 9 orang pelajar (10.0%) menjawab kurang setuju, 36 orang pelajar (40.0%) menjawab setuju dan 44 orang pelajar (48.9%) menjawab sangat setuju. Hasil kajian seterusnya menunjukkan item keempat iaitu teknik sinambungan visual-gambar membantu pelajar menulis ayat menggunakan tatabahasa yang betul juga mendapat skor min yang tinggi dengan  $\text{min}=3.22$ , seramai 4 orang pelajar (4.4%) menjawab tidak setuju, 13 orang pelajar (14.4%) menjawab kurang setuju, 32 orang pelajar (35.6%) menjawab setuju dan 41 orang pelajar (45.6%) menjawab sangat setuju. Hasil kajian seterusnya menunjukkan item ketiga iaitu teknik sinambungan visual-gambar membantu pelajar dalam menulis ayat bahasa Arab dengan betul turut mendapat skor min yang tinggi dengan  $\text{min}=3.20$ , seramai 3 orang pelajar (3.3%) menjawab tidak setuju, 14 orang pelajar (15.6%) menjawab kurang setuju, 35 orang pelajar (38.9%) menjawab setuju dan 38 orang pelajar (42.2%) menjawab sangat setuju bahawa mereka mampu menulis ayat dengan betul menggunakan teknik ini.

Jadual 2: Item penilaian pelajar terhadap teknik sinambungan visual-gambar

Item	1	2	3	4	Min

Teknik sinambungan visual-gambar membantu pelajar menentukan jenis ayat bahasa Arab.	4.4	14.4	33.3	47.8	3.24
Teknik sinambungan visual-gambar membantu pelajar memahami kaedah penulisan ayat bahasa Arab.	1.1	10.0	40.0	48.9	3.37
Teknik sinambungan visual-gambar membantu pelajar menulis ayat menggunakan tatabahasa yang betul.	4.4	14.4	35.6	45.6	3.22
Saya mampu menulis ayat bahasa Arab menggunakan teknik sinambungan visual-gambar.	3.3	15.6	38.9	42.2	3.20
Skor keseluruhan item penilaian					3.26

## PERBINCANGAN

Dapatan kajian mendapati penilaian pelajar terhadap teknik sinambungan visual-gambar berada pada tahap yang tinggi (min keseluruhan=3.26). Dapatan kajian ini selari dengan kajian yang dijalankan oleh Gutierrez et al. (2015) berkaitan teknik penggunaan siri gambar dalam menggalakkan pembelajaran bahasa asing, di mana beliau mendapati teknik tersebut membantu meningkatkan kemahiran menulis pelajar. Kajian Werff (2003) dan Sylvia (2003) dalam kajian bahasa Inggeris sebagai bahasa asing juga menyatakan bahawa bahawa visual-gambar merupakan sumber yang baik dalam pengajaran kemahiran bahasa termasuklah kemahiran menulis.

Hasil kajian juga mendapati keputusan skor min yang tinggi dengan min bersamaan 3.24 bagi item pertama penilaian pelajar bahawa teknik ini dapat membantu mereka menentukan jenis-jenis ayat arab. Sebanyak 43 orang pelajar dengan peratusan sebanyak 47.8% sangat bersetuju bahawa teknik ini dapat membantu mereka dalam menentukan jenis-jenis ayat dalam bahasa Arab. Manakala hanya 4 orang pelajar dengan peratusan sebanyak 4.4% sahaja yang tidak bersetuju bahawa teknik ini dapat membantu mereka dalam menentukan jenis ayat bahasa Arab. Ini menunjukkan bahawa teknik ini boleh digunakan bagi membantu pelajar mengenalpasti jenis ayat bahasa Arab melalui perkaitan ayat yang ditulis dengan visual-gambar yang diberikan.

Hasil kajian juga mendapati bahawa skor min yang tinggi bagi item kedua dengan nilai min bersamaan 3.37. Didapati 44 orang pelajar bersamaan peratusan sebanyak 48.9% pelajar sangat bersetuju bahawa teknik ini membantu mereka memahami kaedah penulisan ayat bahasa Arab. Manakala 1 orang pelajar bersamaan peratusan sebanyak 1.1% sahaja tidak bersetuju bahawa teknik ini membantu mereka dalam memahami kaedah penulisan ayat Arab. Melalui dapatan ini, dapat disimpulkan bahawa pelajar dapat memahami ayat yang ditulis berbantuan visual-gambar yang menggambarkan situasi sebenar.

Bagi item ketiga, skor min juga berada pada paras tinggi dengan nilai min bersamaan 3.22. Sebanyak 41 orang pelajar menyatakan bahawa mereka sangat bersetuju bahawa teknik

ini membantu mereka menulis ayat menggunakan teknik tatabahasa yang betul. Manakala 4 orang pelajar bersamaan perastusan sebanyak 4.4% tidak bersetuju bahawa teknik ini membantu mereka menulis ayat menggunakan tatabahasa yang betul. Dapatan ini menunjukkan bahawa teknik ini bukan sahaja boleh digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran kemahiran sahaja, malah turut boleh digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran kaedah bahasa Arab. Ini sebagaimana yang telah kita sedia maklum bahawa pembinaan ayat dan kaedah bahasa saling bersangkutan.

Item keempat penilaian pelajar turut memaparkan hasil skor min yang tinggi dengan nilai skor sebanyak 3.20. sebanyak 38 orang pelajar dengan peratusan sebanyak 42.2% menyatakan bahawa mereka mampu menulis ayat bahasa Arab dengan betul menggunakan teknik ini, manakala 3 orang pelajar bersamaan peratusan 3.3% tidak bersetuju dengan pernyataan tersebut. Dapatan tersebut menunjukkan teknik ini boleh digunakan untuk membantu pelajar membina ayat bahasa Arab. Dapatan ini selari dengan kenyataan Hassan Shahatah (1993) bahawa kemahiran menulis perlu menekankan kemampuan pelajar dalam membina ayat melalui pemilihan perkataan yang betul bagi menggambarkan makna yang diungkapkan.

## KESIMPULAN

Berdasarkan dapatan kajian, dapat disimpulkan bahawa teknik sinambungan visual-gambar merupakan antara teknik pengajaran yang dipersetujui pelajar dapat membantu mereka dalam mempelajari kemahiran menulis bahasa Arab. Teknik ini merupakan antara usaha pengkaji dalam mempelbagaikan variasi teknik pengajaran dan pembelajaran kemahiran menulis khususnya dalam penulisan ayat bahasa Arab. Bagi pihak pengamal pendidikan bahasa Arab, diharap pelbagai variasi teknik pengajaran dan pembelajaran kemahiran menulis akan ditengahkan. Ini sebagaimana yang dinyatakan oleh Ainol Madziah dan Isarji Hj. Sarudin (2009) bahawa bagi menarik minat pelajar, kaedah penyampaian dalam kelas perlu diperbaiki. Lantaran itu, guru perlu menggunakan pelbagai pendekatan dan teknik yang efektif dalam menjayakan matlamat ini.

## RUJUKAN

- Ab. Halim Ismail. 2005. pengajaran bahasa arab melalui kaedah komunikatif. Dlm. Hassan Basri Awang Mat Dahan, Zawawi Ismail & Muhammad Azhar Zailani. (pnyt.). *Pendidikan Islam dan bahasa Arab: Perspektif Pengajaran Tinggi*, hlm. 137-162. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Abdul Rashid Jamian. 2011. Permasalahan kemahiran membaca dan menulis bahasa Melayu murid-murid sekolah rendah di luar bandar. *Jurnal Prndidikan Bahasa Melayu*, Siri 1 Bil 1, Mei 2011.
- Ainol Madziah Zubairi & Isarji Hj Sarudin. 2009. Motivation to learn a foreign Language in Malaysia. *GEMA Online Journal of Language Studies*, 9(2), 73-87.
- Che Zanariah Che Hassan dan Fadzilah Abd Rahman. 2011. Pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran kemahiran menulis di sekolah rendah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 1(1), 67-87.

Hassan Basri Awang Mat Dahan & Muhammad Azhar Zailaini. 2004. Kurikulum baru bahasa Arab komunikasi dan bahasa Arab tinggi sekolah menengah. *Masalah Pendidikan* 27: 65-74.

Joep Van Der Werff. 2003. Using pictures from magazines. *The Internet TESL Journal*, 9(7), July 2003.

Katia Gregoria Contreras Gutierrez, Miriam Nino Puello, Luis Alberto Perez Galvis. 2015. Using Pictures Series Technique to Enhance Narrative Writing among Ninth Grade Students at Institucion Educativa Simon Araujo. *Journal of English Language Teaching*, 8(5), 45-71.

Kamarul Shukri, Mohamed Amin, Nik Mohd Rahimi & Zamri Mahamod. (2009). Strategi metafizik: kesinambungan penerokaan domain utama pembelajaran bahasa. *GEMA Online™ Journal of Language Studies*, 9(2), 1-13.

Kemmis, S. & McTaggart, R. (1988). *The action research planner*. Geelong, Victoria, Australia: Deakin University Press.

Madiyah Muhammad Yusuf. (2009). Mustawa ma'rifah jumal ismiyyah lada talabah wa talibaat sanah thalithah bi kulliyah dirasaat quran wa sunnah. *Projek Ilmiah*. Fakulti Pengajian Bahasa Utama. Nilai: Universiti Sains Islam Malaysia.

Muhamad Hanan. (2011). Asbab khauf lada talabah jami'ah malaya fi kulliyah islamiyyah fi muhadathah. *Projek Ilmiah*. Fakulti Pengajian Bahasa Utama. Nilai: Universiti Sains Islam Malaysia.

Muhammad Kamil al Naqah. (1985). *Ta'lim al lughah al arabiyyah linnatiqina biha*. Saudi Arabia: Universiti Ummul Qura.

Nik Mohd Rahimi Nik Yusof, Kamaruzzaman Ab. Ghani & Mowaffak Abdullah al-Qusyairi. 2008. *Fann al-Tadris al-Lugah al-Arabiyyah li Ghair al-Arab*. Universiti Kebangsaan Malaysia.

Roselan Baki. 2003. *Pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu*. Shah Alam: Karisma Publication Sdn. Bhd.

Rosmi Samah. 2012. Pembinaan ayat bahasa Arab dalam kalangan lepasan sekolah menengah agama. *Journal of Language Studies*, 12(2), 555-569.

Salleh Abdul Majid al Arabi. 1981. *Ta'alumil lughatul haiyyah wa ta'alimuha*. Beirut: Maktabah Lubnan.

Sylvia Sao Leng Ieong. 2003. Using Picture Dictation Exercises for Practising All Four Skills. *The Internet TESL Journal*, 9(2), February 2003.

Withrow, Jean. 1987. *Effective writing: writing skills for intermediate students of American English*. Cambridge: Cambridge University Press.

Siti Nurhajariah Md Isa  
Pensyarah,  
Jabatan Bahasa & Pembangunan Insan (JBPI),  
Pusat Pengajian Teras (PPT),  
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS).  
Emel: [nurhajariah@kuis.edu.my](mailto:nurhajariah@kuis.edu.my)

Awatif Abdul Rahman  
Pensyarah,  
Jabatan Bahasa & Pembangunan Insan (JBPI),  
Pusat Pengajian Teras (PPT),  
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS).  
Emel: [awatif@kuis.edu.my](mailto:awatif@kuis.edu.my)

Ku Fatahiyah Ku Azizan  
Pensyarah,  
Jabatan Bahasa & Pembangunan Insan (JBPI),  
Pusat Pengajian Teras (PPT),  
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS).  
Emel: [kufatahiyah@kuis.edu.my](mailto:kufatahiyah@kuis.edu.my)

Hairun Najuwah Jamali  
Pensyarah,  
Jabatan Bahasa & Pembangunan Insan (JBPI),  
Pusat Pengajian Teras (PPT),  
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS).  
Emel: [hairunnajuwah@kuis.edu.my](mailto:hairunnajuwah@kuis.edu.my)